

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Wakaf adalah salah satu amalan sunat yang amat digalakkan dalam Islam. Wakaf merupakan "sadaqah jariyah" yang dapat menyempurnakan agihan kekayaan dan meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat Islam secara keseluruhan.

Sejarah telah membuktikan sumbangan institusi wakaf pada zaman kegemilangan pemerintahan khilafah `Uthmaniyah sebagai salah satu sumber pendapatan kepada kerajaan Islam dengan memainkan peranannya dalam membiayai aktiviti kebajikan masyarakat, keagamaan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Dalam bidang pendidikan umpamanya, harta wakaf telah digunakan bagi menanggung perbelanjaan penyelenggaraan masjid yang merupakan institusi pendidikan pada zaman itu, di samping membayar upah mengajar kepada para guru.

Namun kini, peranan wakaf dilihat terhadap kepada aktiviti keagamaan dan kerohanian seperti pembinaan masjid, surau, kubur dan sebagainya. Pengabaian dalam melihat potensi institusi wakaf ini adalah amat merugikan masyarakat dan negara Islam sendiri. Ini kerana secara tidak langsung, pengetahuan dan penghayatan masyarakat Islam mengenai kepentingan dan peranan wakaf adalah semakin terhakis dan terpinggir.

Menyedari akan kesannya, maka sejak beberapa tahun kebelakangan ini kita dapat menyaksikan pelbagai usaha sama ada daripada pihak institusi wakaf sendiri mahupun kerajaan dan orang perseorangan, telah bersama-sama berusaha mengembalikan semula

peranan wakaf dalam menyelesaikan masalah kebajikan masyarakat di samping membangunkan ekonomi setempat.

Oleh yang demikian, antara usaha yang dijalankan bagi mencapai semula matlamat wakaf adalah dengan mengembalikan kefahaman kepada masyarakat Islam awam tentang kedudukan dan kepentingan wakaf dalam Islam serta sumbangannya terhadap sosioekonomi masyarakat. Ini bertujuan agar amalan ini dapat disebar dan menjadi satu budaya yang positif dalam masyarakat.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Wakaf tunai atau wakaf berupa wang merupakan salah satu bentuk harta yang harus diwakafkan selain daripada tanah, al-Quran dan lain-lain. Wakaf tunai mempunyai potensi yang besar dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam sama ada sebagai dana bagi membangunkan tanah-tanah wakaf yang sedia ada atau pun sebagai dana bagi menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi masyarakat Islam. Di Pulau Pinang, sebanyak 1,253.64 ekar tanah wakaf telah didaftarkan dalam inventori tanah-tanah wakaf Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). Daripada inventori tersebut, MAINPP kemudiannya akan mengenalpasti tanah-tanah yang berpotensi untuk dimajukan dan seterusnya akan mencari sumber kewangan bagi membiayai projek-projek pembangunan tanah-tanah wakaf tersebut<sup>1</sup>.

Menurut Nik Mohd Zain Mohd Yusof, Azimuddin Bahari, Zainal Abidin Jaafar dan Mohd Yusof Yahya, kekurangan sumber kewangan telah menjadi antara punca utama yang membawa kepada masalah untuk membangunkan atau menjalankan sesuatu projek

---

<sup>1</sup> Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), "Pembangunan Harta Wakaf di Pulau Pinang", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf*" pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 6, h.113-132

wakaf. Perbelanjaan bagi menyelenggara, membaiki dan menguruskan harta wakaf sendiri kadang kala melebihi daripada pendapatan tahunan sesuatu wakaf, inikan pula untuk menjalankan projek-projek pembangunan yang sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang amat besar<sup>2</sup>.

Kebergantungan sumber kewangan daripada peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bukanlah penyelesaian terbaik dalam hal ini. Justeru itu, penubuhan Skim Dana Wakaf sebagai langkah mewujudkan sumber modal sendiri adalah satu tindakan yang bijak. Selain dapat digunakan bagi membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang, dana ini dapat dilaburkan juga, misalnya untuk tujuan pembinaan atau pembelian bangunan komersial seperti pejabat dan kawasan perniagaan. Pendapatan yang lumayan akan diterima daripada hasil sewaan harta wakaf tersebut memandangkan nilai tanahnya yang mahal dan kedudukannya yang strategik, kerana tanah wakaf di Pulau Pinang kebanyakannya berada di tengah-tengah bandar. Bahkan langkah ini juga dapat meringankan beban kerajaan dalam menyediakan kemudahan pembangunan kepada masyarakat setempat.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Bagi meningkatkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang. Skim Dana Wakaf Pulau Pinang ini dilihat sebagai salah satu jalan bagi menyelesaikan kekangan utama yang menjadi penyebab

---

<sup>2</sup> Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999), "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 6, h.105-154; Zainal Abidin Jaafar (1999), "Pengurusan Wakaf di Wilayah Persekutuan: Amalan dan Perancangan" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil 4, h.43-64; Mohd Yusof Yahya (1999), "Pengurusan Wakaf di Perak" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil 5, h.65-104

terbantunya pembangunan tanah wakaf sebelum ini, iaitu kekangan kewangan di samping itu juga membantu mengerakkan aktiviti sosial ekonomi masyarakat Islam.

Walaupun begitu pada pandangan penulis, pembentukkan Dana Wakaf tersebut masih belum mencukupi untuk dijadikan jaminan kepada pembangunan tanah-tanah wakaf tersebut dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Usaha dan pelaksanaan tugas yang baik dan cekap juga perlu diambil kira dalam menjayakan misi tersebut. Oleh yang demikian, penulis merasakan adalah penting untuk membuat penilaian sejauh mana peranan yang dimainkan oleh Dana Wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti sejauh mana peranan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang di Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Persoalan-persoalan yang ingin diketengahkan dan dicari penyelesaiannya adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah latar belakang penubuhan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang di Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP)?
2. Sejauhmanakah Skim Dana Wakaf ini berperanan membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang?
3. Apakah halangan yang dihadapi oleh Skim Dana Wakaf ini dan usaha yang dilakukan untuk menanganinya dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang?

## **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

1. Menyelidik latar belakang penubuhan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang yang diwujudkan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.
2. Mengkaji peranan yang dimainkan Skim Dana Wakaf ini dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.
3. Mengkaji halangan yang dihadapi oleh Skim Dana Wakaf dan usaha yang dilakukan untuk menanganinya dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan ini telah memilih Skim Dana Wakaf Pulau Pinang di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai skop kajian. Kajian akan menumpukan kepada peranan Dana Wakaf di MAINPP dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Ini kerana penulis ingin mengkaji sejauhmana penubuhan Skim Dana Wakaf ini digunakan sebaiknya sebagai medan mengumpul dana, membangun dan memajukan tanah wakaf di Pulau Pinang.

Kajian ini bermula dari tahun pembentukan dana wakaf tersebut iaitu 2005 sehingga 2009. Oleh itu, data akan diperolehi daripada pihak pengurusan MAINPP selaku organisasi yang bertanggungjawab secara langsung terhadap penubuhan dana tersebut dan penerima-penerima sumbangan Skim Dana Wakaf ini.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini amat penting agar dapat mendalami potensi dan halangan yang dihadapi bagi melaksanakan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Setelah mengenalpasti masalah-masalah yang wujud, penulis juga mencadangkan beberapa penyelesaian bagi membantu menyelesaikan masalah tersebut.

Kajian ini juga penting kepada MAINPP, kerana hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur kepada penilaian kerja MAINPP dalam menguruskan Dana Wakaf tersebut dalam tempoh empat tahun tersebut. Hasil kajian ini dapat membantu MAINPP memperbaiki lagi mutu pengurusan dan perkhidmatan sebagai pemegang amanah Skim Dana Wakaf Pulau Pinang.

Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada organisasi dan badan lain yang menguruskan harta wakaf dengan mengambil contoh kualiti perkhidmatan yang baik dan menjadikannya sebagai panduan dan rujukan dalam menangani kemungkinan masalah yang sama dihadapi institusi wakaf tersebut.

Kajian ini juga dapat mempengaruhi pihak-pihak berwajib yang bertanggungjawab terhadap pembangunan institusi wakaf ini agar lebih prihatin dan mengambil cakna terhadap keperluan yang perlu diberi perhatian dari semasa ke semasa bagi membantu memperkasakan institusi wakaf memandangkan potensinya yang besar dalam membangunkan ekonomi umat Islam di negara ini.

Kajian ini juga dapat menyumbang kepada khazanah ilmu, kerana kajian yang dijalankan menambah lagi maklumat yang sedia ada dalam bidang ini. Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu penyelidik akan datang dalam bidang ini atau bidang-bidang yang berkaitan.

Kesimpulannya, kajian ini membantu dan menyumbang kepada impak praktikal dalam usaha memperkukuhkan institusi wakaf dan seterusnya akan membantu kepada usaha memartabatkan institusi wakaf ke peringkat yang lebih tinggi.

## **1.8 Kajian Lepas**

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai kajian yang dijalankan, penulis telah merujuk terlebih dahulu kepada penulisan-penulisan yang sedia ada yang berkisar mengenai wakaf kontemporari dan pelaksanaan pengurusanannya dalam menjana ekonomi. Penulisan dan kajian yang berkaitan wakaf kontemporari dapat dibahagikan kepada empat bentuk atau *trend*, iaitu ;

### **1.8.1 Konsep Wakaf Kontemporari**

Penulisan mengenai konsep wakaf kontemporari banyak berkisar mengenai perubahan yang dialami dalam menafsirkan konsep wakaf, potensi dan aplikasinya pada hari ini. Konsep wakaf klasik yang sering digunakan dahulu hanyalah ditafsirkan sebagai harta yang tidak mudah alih dan kekal, manakala konsep wakaf pada hari ini telah menggunakan konsep wakaf klasik dan kontemporari, yang telah diperluaskan kepada harta yang mudah alih, misalnya wakaf tunai, wakaf saham dan saham wakaf. Pengkaji seperti Timur Kuran, Mahmood Zuhdi Abd. Majid, Mohammad Tahir Sabit dan Abdul

Hamid Mar Iman telah menerangkan mengenai perubahan tersebut dan keperluan kepada perubahan tersebut dalam memperkasakan institusi wakaf dengan mengoptimumkan penggunaannya, memperkembangkan ekonomi masyarakat Islam di samping dapat menjalankan aktiviti sosial yang berbentuk kebajikan ummah. Selain itu juga, dapat menggalakan lebih ramai orang awam untuk turut serta dalam amalan berwakaf ini<sup>3</sup>.

Akram Ladin *et. al* juga berpendapat konsep wakaf harus diperkembangkan lagi dan tidak terhenti setakat ini. Dengan mengamati maqasid Syariah di dalam pensyariatannya, seperti menggalakkan melakukan kebaikan, mengaktifkan kebaikan dan menyebarkannya maka, pelbagai produk wakaf yang baru dapat diketengahkan lagi. Manakala dari sudut hukum-hukum berkaitan wakaf, beliau menyatakan bahawa penelitian terhadap maqasidnya harus dititik beratkan kerana hukum-hukum berkaitan wakaf pada asasnya merupakan persoalan ijtihad<sup>4</sup>.

Antara bentuk wakaf kontemporari yang ada pada hari ini misalnya, saham wakaf, wakaf saham dan berwakaf menggunakan wang ringgit atau tunai. Konsep wakaf kontemporari turut diaplikasikan di Malaysia. Saham wakaf dan wakaf saham misalnya telah ditawarkan oleh institusi-institusi wakaf di Malaysia yang melibatkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Johor Corporation dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan modus operandi yang berbeza<sup>5</sup>.

---

<sup>3</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1999), "Kefahaman Konsep dan Amalan Wakaf" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 2, h.17-28; Mohammad Tahir Sabit and Abdul Hamid Mar Iman (2006), "Obstacles of the Current Concept of Waqf to the Development of Waqf Properties and the Recommended Alternative". *Malaysian Journal of Real Estate*, 1 (1), h.1-95; Timur Kuran (2001), "The Provision Of Public Goods Under Islamic Law: Origins, Impact, And Limitations Of The Waqf System", *Law & Society Review*, 35 (4), h.841-897

<sup>4</sup> Mohamad Akram Ladin, Mek Wok Mahmud dan Mohd Fuad Sawari (2008), "Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Waqaf", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), jil.2, 2 (1), h.1-24 (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

<sup>5</sup> Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), "Konsep dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari di Malaysia: Saham Wakaf dan Wakaf Saham", (Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 (SEIPK '09) di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur, pada 10-11 Februari 2009), h.1-16

Wakaf tunai juga turut dilaksanakan di Malaysia. Wakaf jenis ini sebenarnya telah lama dipelopori pada zaman Khilafah Uthmaniyyah dan antara kajian yang menceritakan tentang kegemilangan wakaf jenis ini adalah Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper, Jon E. Mandaville dan Murat Çizaçka. Dalam kajian mereka mendapati wakaf tunai ini telah berjaya meringankan kerajaan Uthmaniyyah dengan membiayai pelbagai kemudahan asas untuk masyarakat daripada aspek keagamaan, pendidikan, kesihatan dan juga kebajikan masyarakat setempat sehingga mengangkat martabat wakaf sebagai aset penting pembangunan masyarakat pada masa itu<sup>6</sup>.

Manakala daripada perspektif fiqh, Siti Mashitoh Mahamood dalam kajiannya mengenai pembentukan Dana Wakaf iaitu wakaf tunai yang disumbangkan secara kolektif, telah menyimpulkan bahawa harta yang boleh dialih (termasuklah dana wakaf) adalah antara harta yang boleh diwakafkan menurut perspektif Syariah asalkan harta tersebut boleh digunakan atau dimanfaatkan secara berterusan ataupun berulang kali<sup>7</sup>. Shofian Ahmad menyatakan wang tunai dianggap sebagai harta berbentuk manfaat yang dijadikan sebagai medium pertukaran bagi mendapatkan harta lain atau manfaat lain yang bersifat kekal<sup>8</sup>. Monzer Kahf juga telah menekankan aspek ini agar sifat wakaf itu sendiri sebagai '*sadaqah jariyyah*' iaitu sedekah yang sentiasa mengalir dapat dicapai dan dipelihara<sup>9</sup>.

---

<sup>6</sup> Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper (2007), "Cash Awqaf in the Ottoman as Philanthropic Foundations and their Accounting Practices", h.1-19 (Kertas kerja yang dibentangkan dalam The Fifth Accounting History International Conference, Banff, Alberta, Canada, 9-11 Ogos 2007) , lihat [http://www.mufad.org/index.php?option=com\\_docman&task=doc\\_download&gid=49&Itemid=100AAA](http://www.mufad.org/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=49&Itemid=100AAA), 15 Julai 2010; Jon E. Mandaville (1979), "Usurious Piety: The Cash Waqf Controversy in The Ottoman Empire", *International Journal of Middle East Studies*, Cambridge University Press, Vol. 10, No. 3, Ogos 1979, h.289-308; Murat Çizaçka (2004), "Ottoman Cash Waqf Revisited: The Case of Bursa 1555-1823", *Foundation for Science Technology and Civilisation*, United Kingdom: Foundation for Science Technology and Civilisation Limited, Jun 2004, h.1-20; Murat Çizaçka (1998), "Awqaf In History and Its Implications For Modern Islamic Economies", *Islamic Economic Studies*, Vol. 6 (1), November 1998, h.43-70

<sup>7</sup> Siti Mashitoh Mahamood (2007), "Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 15 (2), h.61-83

<sup>8</sup> Shofian Ahmad (2008), "Wakaf Tunai: Peranan dan Keistimewaannya dalam Sistem Ekonomi Islam", Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf" pada 18&19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 17, h.317-324

<sup>9</sup> Monzer Kahf (1999), "Towards The Revival of Awqaf: A Few Fiqhi Issues to Reconsider", (Kertas kerja dibentangkan dalam Harvard Forum on Islamic Finance and Economic, USA: Harvard University, 1 Oktober 1999)

Selain itu, antara penulisan yang mencungkilkan potensi wakaf tunai antaranya, Hasnol Zam Zam Ahmad menyatakan bahawa potensi meningkatkan harta wakaf berasaskan tunai adalah lebih berbanding potensi untuk meningkatkan harta wakaf berbentuk tanah kerana wakaf tunai lebih mampu melibatkan sebahagian besar umat Islam dalam amalan ini<sup>10</sup>. Agustianto dan Abdul Halim Sunny melihat wakaf tunai sebagai sumber modal bagi membangunkan tanah-tanah wakaf yang belum dimajukan di samping membiayai sektor pendidikan seperti membayar gaji para guru dan juga sebagai sumber pembiayaan kewangan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang layak di sepanjang tempoh pengajian agar dapat mengurangkan masalah keciciran dan ketinggalan anak-anak bangsa yang tidak dapat meneruskan pengajian atas alasan kemiskinan<sup>11</sup>. Malah, penggabungan wakaf klasik dan wakaf kontemporari, seperti tanah, wakaf saham, saham wakaf dan wakaf tunai, dapat dimanfaatkan dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam. Sebagai contohnya, penulisan yang telah mencadangkan pembangunan hartanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang dibangunkan menggunakan konsep wakaf secara menyeluruh<sup>12</sup>.

### **1.8.2 Kedudukan Wakaf dalam Undang-undang**

Dari sudut perundangan, Ahmad Mohamed Ibrahim, Abu Bakar Manat, Siti Mashitoh Mahamood, Siti Zalikah Md. Nor, Mohd Saharudin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor dan Jamal Ali, telah mengupas mengenai isu-isu wakaf dari segi undang-undang dan mendapati kebiasaannya isu wakaf yang timbul sering kalinya berkait rapat dengan persoalan hukum Syarak, akta-akta, enakmen negeri dan pemakaian Kanun Tanah

---

<sup>10</sup> Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), "Cabaran Dalam Mempertingkatkan Potensi Pembangunan Tanah Wakaf", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), jil. 1, 1 (1), h.1-12

<sup>11</sup> Agustianto M.Ag (2006), "Wakaf Tunai Dalam Hukum Positif dan Prospek Pemberdayaan Ekonomi Syari'ah", (Kertas kerja dibentangkan di Studium General Stain Kediri, 20 September 2006); Abdul Halim Sunny (2007), "Dana Wakaf Pendidikan: Satu Tinjauan Awal", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.1, No.2(1), h.33-44

<sup>12</sup> Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad dan Syarqawi Muhammad (2007), "Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Hartanah di wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)", (kertas kerja dibentangkan dalam Seminar On Southern Johor Development: Prospect and Challenges in the 21<sup>st</sup> Century di The M-Suites, Johor Bharu, pada 27-28 Jun 2007), h.1-30

Negara. Kesimpulan yang dapat diambil bahawa para pengkaji tersebut telah menekankan agar beberapa enakmen wakaf negeri digubal dan diwujudkan agar dapat melicinkan pengurusan wakaf dengan lebih berkesan. Ini kerana masih terdapat banyak kelemahan dalam peruntukan undang-undang berkaitan wakaf. Kelemahan ini dapat diperhatikan terutamanya apabila melibatkan kes tuntutan tanah wakaf daripada waris yang bukan Islam yang mana akan mengheret masalah tersebut ke muka pengadilan Mahkamah Sivil. Walhal, isu tanah wakaf seharusnya dibicarakan dalam ruang lingkup Mahkamah Syariah sendiri. Sepertimana dalam peruntukan undang-undang di Brunei yang telah menyatakan bahawa sebarang tanah yang melibatkan tanah wakaf maka, segala peruntukan undang-undang ke atasnya tertolak dan tidak sah. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang terlibat seperti kerajaan Negeri, Raja dan Sultan digesa agar lebih berperanan dalam menyelesaikan halangan yang timbul dalam perundangan berkaitan isu wakaf ini<sup>13</sup>.

### **1.8.3 Pengurusan Harta Wakaf**

Penulisan dan kajian yang berkaitan dengan pengurusan harta wakaf dapat dibahagikan kepada tiga bahagian yang menjadi fokus utamanya iaitu, pengurusan daripada aspek pentadbiran dan organisasi yang memegang amanah harta wakaf tersebut, pengurusan daripada aspek kewangan, dan berikutnya adalah daripada aspek pengurusan data dan maklumat yang disimpan. Daripada aspek pengurusan dalam pentadbiran dan organisasi, perbincangan dan kajian lebih menumpukan kepada Majlis Agama Islam

---

<sup>13</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1999), "Pelaksanaan Undang-undang Wakaf di Malaysia" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil 3, h.29-42; Abu Bakar Manat (2007), "Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf", *Jurnal Pengurusan JWZH*, Putrajaya : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH), jil. 1, 1(5), h.53-72; Siti Mashitoh Mahamood (2007), "Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-undang serta Aplikasinya di Malaysia", *op. cit* dan (2006) "Perundangan Wakaf dan Isu-isu Berbangkit", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006); Siti Zalikhah Md. Nor (2008), "Pengurusan Wakaf Negeri-negeri di Malaysia", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 3, h.49-68; Mohd Saharudin Shokrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor dan Jamal Ali (2003), "Tinjauan Isu-isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 11(2), h.73-98; Pengiran Haji Baharum Pengiran Haji Bahar (2006), "Pengalaman Majlis Ugama Islam Brunei Dalam Pengurusan Harta Wakaf", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

Negeri (MAIN), selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf berdasarkan semua enakmen negeri yang sedia ada. Para pengkaji berpendapat bahawa pengurusan dalam pentadbiran tersebut masih mempunyai pelbagai kelemahan yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan agar lebih efisien dan berdaya maju. Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari, Zainal Abidin Jaafar dan Mohd Yusof Yahya dalam kajian mereka mendapati bahawa antara faktor yang membawa kepada masalah pengurusan dalam pentadbiran tersebut adalah disebabkan kekurangan kakitangan yang berkecukupan dan kurangnya pengalaman dalam bidang pembangunan harta wakaf. Ditambah pula dengan pembahagian kerja yang tidak seimbang dalam pengurusan tersebut yang membawa kesan kepada kurangnya tahap kecekapan MAIN dalam mengendalikan harta wakaf tersebut. Ini dapat dilihat kesannya berdasarkan kajian Abu Bakar Manat apabila masih terdapat banyak tanah wakaf yang belum didaftarkan lagi bawah MAIN disebabkan kekurangan kakitangan untuk mengumpul maklumat, mengenalpasti lokasi tanah dan menguruskan urusan pendaftarannya apatah lagi untuk memajukannya<sup>14</sup>.

Justeru itu, Nik Mustapha Nik Hassan telah menyatakan bahawa bagi mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan pentadbiran, institusi wakaf perlulah melantik jawatan kuasa mengurus dan mentadbir, juga badan penasihatnya daripada golongan profesional yang pakar dalam bidang pembangunan harta wakaf<sup>15</sup>. Pandangan tersebut disokong oleh Hasnol Zam Zam Ahmad dalam kajiannya<sup>16</sup>. Manakala bagi melaksanakan tugasnya dengan lebih proaktif, Abu Bakar Manat menggesa MAIN agar mengenal pasti dengan segera tanah-tanah wakaf yang mempunyai potensi yang tinggi

---

<sup>14</sup> Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999), *op.cit.*; Zainal Abidin Jaafar (1999), *op.cit.*; Mohd Yusof Yahya (1999), *op.cit.*; Abu Bakar Manat (2007), *op.cit.*

<sup>15</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (1999), "Sumbangan Institusi Wakaf Kepada Pembangunan Ekonomi" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), bil. 6, h.105-154, h.1-16

<sup>16</sup> Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), *op.cit.*

untuk dimajukan dan mendaftarkan segera tanah-tanah wakaf yang belum didaftarkan dengan MAIN agar dapat diselenggara dengan baik<sup>17</sup>.

Selain daripada masalah tadi, Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah telah mendapati bahawa munculnya permasalahan lain dalam membangunkan harta wakaf apabila wujudnya pengurusan yang berbeza dan tidak selaras antara pihak MAIN dan pihak mutawalli terdahulu yang menguruskan harta wakaf tertentu, yang mana ada sebahagian maklumat harta wakaf tersebut yang tidak dimaklumkan dan didaftarkan bawah MAIN, maka ini telah mengakibatkan harta wakaf tersebut contohnya, tanah tidak diseliatkan dengan baik kerana kekurangan dana dan masalah pendaftaran statusnya dengan Pejabat Tanah. Oleh yang demikian, penulis menyarankan agar kerajaan dan badan-badan yang terlibat seperti pihak mutawalli terdahulu, mestilah berganding bahu dengan pihak MAIN dalam membangunkan harta wakaf di Malaysia<sup>18</sup>.

Selain daripada itu, perancangan yang rapi dan pengurusan yang sistematik perlu diberi perhatian oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini. Abu Bakar Manat juga menyarankan agar institusi wakaf di Malaysia bersikap lebih telus dalam pengurusan dan bersedia menerima kritikan dan nasihat yang membina selain mencontohi negara-negara yang terlebih dahulu maju dalam pembangunan harta wakaf ini seperti Mesir, Kuwait dan Singapura<sup>19</sup>.

Mohammed Boudjellal telah mencadangkan pendekatan baru dalam sektor wakaf perlu dilaksanakan, antaranya institusi wakaf perlulah menggunakan beberapa kemajuan moden dalam membangunkan harta, di samping memperbadankan sektor wakaf<sup>20</sup>.

---

<sup>17</sup> Abu Bakar Manat (2007), *op.cit.*

<sup>18</sup> Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), *op.cit.*

<sup>19</sup> Abu Bakar Manat (2007), *op.cit.*

<sup>20</sup> Mohammed Boudjellal (2008), "The Need for a New Approach to the Role in Socioeconomic Development of Waqf in the 21st Century", *Review of Islamic Economics*, 12 (2), h.125-136

Mengambil contoh daripada pengalaman Majlis Ugama Islam Singapura, umpamanya, Shamsiah Abdul Karim menyatakan bahawa dalam melicinkan pengurusan dan membangunkan harta wakaf, pihak MUIS telah mengagihkan pembahagian kerja dengan berkesan, yang mana telah menetapkan tugas MUIS dalam urusan mengumpul dan mendokumenkan maklumat harta wakaf, manakala WARESS iaitu anak syarikat MUIS dipertanggungjawabkan pula dalam urusan pembangunan harta wakaf tersebut. Hasilnya, MUIS dapat menumpukan lebih perhatian kepada pengurusan harta wakaf tanpa perlu risau soal pelaburan dan pembangunan yang diuruskan oleh WAREES. Hasilnya juga MUIS dan WAREES dapat mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan dalam tugas masing-masing<sup>21</sup>.

Manakala daripada aspek pengurusan kewangan pula, sebagaimana yang telah kita ketahui, kewangan merupakan faktor yang sangat penting dalam usaha mengendalikan, membangunkan dan memelihara sesuatu aset. Pengurusan kewangan yang lemah akan memberi implikasi kepada lemahnya perancangan dan strategi bagi menjana modal harta sedia ada. Meskipun begitu, kekurangan dana kewangan bagi membangunkan harta wakaf tetap menjadi halangan utama yang membantutkan pengurusan harta wakaf di kebanyakan negeri. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Zainal Abidin Jaafar yang mengkaji pelaksanaan institusi wakaf di Wilayah Persekutuan dan Mohd Yusof Yahya yang mengkaji pelaksanaan wakaf di Perak mendapati bahawa masalah ini telah menyebabkan beberapa projek terpaksa ditangguhkan bagi mengumpul dana terlebih dahulu, antaranya Lot 39, Lorong Syed Putra dan Lot 168&169 Jalan Perak di Wilayah Persekutuan<sup>22</sup>.

---

<sup>21</sup> Shamsiah Abdul Karim(2010), "Contemporary *Shari'a* Compliance Structuring for the Development and Management of *Waqf* Assets in Singapore", *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 2-3 March 2010, h.143–164 dan (2006), "Pengurusan Dan Pembangunan Wakaf Di Singapura", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14September 2006)

<sup>22</sup> Zainal Abidin Jaafar (1999), *op. cit.*; Mohd Yusof Yahya (1999), *op. cit.*

Oleh yang demikian MAIN perlu mencontohi pengalaman institusi-institusi wakaf yang telah berjaya menjana dana kewangan sendiri, misalnya, Baharum Haji Bahar menyatakan bahawa Majlis Ugama Islam Brunei berjaya mendapatkan pendapatan sewa secara tetap dari tanah wakaf Lot 11613 dan lot 1106 Jalan Kota Batu pada setiap bulan<sup>23</sup>. Menurut Nooh Gadot di Johor pula, sehingga tahun 2005, pendapatan hasil sewa bangunan Saham Wakaf Johor telah berjaya memperolehi lebih daripada RM 1.2 juta selain beberapa projek pelaburan Saham Wakaf Johor yang lain seperti, Projek wakaf Pertanian dengan mengadakan usaha sama dengan Pertubuhan Peladang Negeri Johor dan pembelian bangunan asrama pelajar Johor di Kaherah, Mesir<sup>24</sup>. Selain daripada itu, Shamsiah Abdul Karim juga menyatakan bahawa hasil daripada Wakaf Tunai yang dijalankan di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), seramai 170,000 pekerja Islam telah membuat caruman sebanyak \$2-\$11.50 sebulan yang menghasilkan pendapatan sebanyak \$6 juta setiap tahun<sup>25</sup>.

Maka, kekangan kewangan ini perlu diatasi oleh MAIN dengan bijak, sepertimana Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) yang mana menurut Azri Ahmad telah mengadakan kolaborasi dengan institusi kewangan Islam yang lain, contohnya Tabung Haji dan Bank Islam Malaysia Berhad atau mengadakan perancangan lain yang dapat menjana sumber ekonomi bagi melicinkan gerak kerja yang telah dirancang<sup>26</sup>. Megat Mohd Ghazali Megat A. Rahman dan Hussin Salamon telah mencadangkan beberapa bentuk pelaburan sama ada pelaburan hartanah melalui Unit Amanah Harta Tanah Islam (I-REIT) mahupun pelaburan wang tunai melalui bank-bank yang mengaplikasikan prinsip-prinsip Syariah bagi mengoptimumkan penggunaan harta wakaf dalam menjana

---

<sup>23</sup> Pengiran Haji Baharum Pengiran Haji Bahar (2006), *op.cit*

<sup>24</sup> Nooh Gadot (2006), "Amalan Saham Wakaf di Johor", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

<sup>25</sup> Shamsiah Abdul Karim (2006), *op.cit*

<sup>26</sup> Azri Ahmad (2008), "Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai oleh Yayasan Waqaf Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.2, No.2(4), h.87-98

dana untuk membangunkan harta wakaf di samping aktiviti sosial kebajikan yang lain<sup>27</sup>. Dalam kajian yang lain pula, Monzer Kahf dan Mohammad Tahir Sabit juga telah mengemukakan beberapa bentuk urusan kewangan yang dapat dijalankan bagi menjana modal dan harta wakaf yang sedia ada. Justeru itu juga, pihak MAIN perlu lebih bijaksana dalam menyelesaikan masalah ini dengan menggunakan pelbagai peluang dan kemudahan yang ada dengan optimum dan mengambil contoh teladan yang baik daripada institusi wakaf lain dari sudut pengurusan, perancangan dan penyusunan strategi<sup>28</sup>.

Selain daripada itu, mekanisme lain yang harus dilihat dan diteliti dengan baik dalam pengurusan adalah dari aspek pengurusan maklumat. Pengurusan maklumat yang cekap dan teratur amat penting bagi memudahkan segala gerak kerja dalam membangunkan harta wakaf terutamanya dari segi pendaftaran harta wakaf tersebut, perancangan dan pengurusan ke atasnya bagi melaksanakan kerja membangunkan dan membuat pelaburan dengannya. Kelemahan pihak MAIN dalam menyediakan data dari segi penyimpanan maklumat harta wakaf, maklumat lokasi wakaf beserta paparan grafik dan maklumat perakaunan yang tidak lengkap akan menjadi penghalang kepada usaha-usaha tersebut. Walaubagaimanapun, Aidi, Mohd Herry dan Mohd Hisham menjelaskan kelemahan ini dapat diatasi berdasarkan perkembangan teknologi yang ada pada zaman sekarang, maklumat dapat disimpan di dalam pangkalan data secara berkomputer yang mana mempunyai pelbagai kelebihan, antaranya, lebih mudah untuk mencari dan mencapai data, maklumat yang diperlukan dapat dijana dengan lebih cepat, fail dapat disimpan dengan lebih teratur dalam komputer dan dapat menjimatkan ruang

---

<sup>27</sup> Megat Mohd Ghazali Megat A. Rahman, Hussin Salamon *et al.* (2006), "Pelaburan Wakaf: Strategi dan Rangka Kerja Perundangan Islam", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur), September 12-14

<sup>28</sup> Monzer Kahf (1998), "Financing The Development of Awqaf Property", (Kertas kerja dalam Seminar on Development of Awqaf, anjuran IRTI, Kuala Lumpur, 2-4 Mac 1998), h.1-46; Mohammad Tahir Sabit (2006), "Innovative Modes Of Financing The Development Of Waqf Property", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

meletakkan fail yang manual, seperti penstoran, selain lebih selamat kerana data boleh disimpan dalam CD lain sebagai 'back up'<sup>29</sup>.

Manakala dari segi penyimpanan maklumat lokasi wakaf, Abdul Hamid Mar Iman (2006) berpendapat bahawa sistem maklumat lokasi wakaf berasaskan Geographic Information System (GIS) atau Sistem Maklumat Geografi adalah yang terbaik, ini kerana sistem tersebut dapat menunjukkan kedudukan koordinat lokasi wakaf dengan tepat di samping gabungan maklumat peta asas dan keterangannya. Berbanding dengan penyimpanan maklumat wakaf yang ada sekarang ini, kebanyakan negeri masih lagi menggunakan sistem manual, atau menyimpan maklumat wakaf secara tersendiri, sepertimana di Pulau Pinang yang mempunyai empat sistem maklumat harta wakaf dengan aplikasi yang berasingan, iaitu sistem pengurusan maklumat wakaf, sistem maklumat bangunan bersepadu, sistem maklumat wakaf dengan GIS tetapi hanya mempunyai sedikit paparan grafiknya dan sistem maklumat Geografi Pulau Pinang (PEGIS) namun tidak memfokuskan kepada tanah wakaf secara khusus. Justeru itu, beliau telah mengemukakan satu contoh sistem GISWAQF, yang mampu menyimpan pelbagai maklumat wakaf dalam satu sistem dengan paparan grafiknya yang lengkap. Maka, ini merupakan satu peluang yang baik bagi MAIN untuk mengaplikasikan kemudahan tersebut bagi tujuan melicinkan pengurusan dan memudahkan penggunaanya<sup>30</sup>.

Selain itu juga, bagi merancang membangunkan harta wakaf dengan lebih yakin MAIN perlulah mempunyai sistem penyimpanan maklumat kewangan, iaitu perakaunan yang baik dan berpiawai. Safiah Mohamed dan Siti Rokyah Md Zain mendapati bahawa sistem yang sedia ada yang dilaksanakan oleh MAIN di kebanyakan negeri tidak dapat

---

<sup>29</sup> Aidi Ahmi, Mohd Herry Mohd Nasir dan Mohd Hisham Mohd Sharif (2005), "E-Wakaf : Ke arah Pengurusan Wakaf Yang Lebih Sistematik", (Kertas kerja Prosiding E-Komuniti 2005 Universiti Kebangsaan Malaysia di Putrajaya, 6-7 Disember 2005)

<sup>30</sup> Abdul Hamid Mar Iman (2006), "Pelaksanaan Sistem Teknologi Maklumat Dalam Pengurusan Harta Wakaf", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

membantu untuk merancang menjana harta wakaf untuk membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia. Hampir semua bahagian wakaf negeri-negeri mempunyai pendokumentasian akaun, dan ada juga yang telah mengambil inisiatif untuk menggunakan sistem pengrekodan akaun menggunakan komputer sepertimana di Pulau Pinang, Selangor dan Johor. Walaubagaimanapun, banyak kekangan dan kekurangannya. Antaranya, bahagian Wakaf MAIN tidak mempunyai sistem perakaunan yang bersepadu antara negeri. Ini dapat diperhatikan apabila Pulau Pinang dan Selangor berjaya mendapat ISO, manakala Wilayah Persekutuan pula mempunyai inisiatif sendiri untuk mencipta satu sistem komputer bagi mengendalikan semua transaksi perakaunan bahagian Wakaf, namun begitu, sistem tersebut telah menggabungkan aktiviti wakaf dan Baitulmal sekali. Kesan daripada sistem perakaunan yang tidak sama dan tidak selaras, pengkaji mendapati banyak maklumat yang tidak telus dengan hanya melihat daripada maklumat yang diberi<sup>31</sup>. Bagi akaun wakaf tunai pula, Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi telah menghasilkan penggunaan sistem perakaunan yang khas untuk menguruskannya<sup>32</sup>.

Kepentingan mengendalikan data harta wakaf yang lengkap ini memang tidak dapat dinafikan, oleh itu, menjadi tanggung jawab pihak MAIN berganding bahu dengan agensi kerajaan seperti pihak Masjid dan agensi swasta yang lain bagi menjalankan kajian yang menyeluruh dalam mengumpul data dan merekodkan harta-harta tersebut dengan baik. Selain keperluan menyimpan maklumat wakaf yang lengkap, pihak MAIN perlulah mengadakan jaringan hubungan antara sesama MAIN yang lain bagi memudahkan lagi kerja mereka dan dapat bertukar-tukar idea dan pandangan. Justeru itu, kewujudan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH) adalah amat tepat dan

---

<sup>31</sup> Safiah Binti Mohamed, Siti Rokyah Bte Md Zain *et al.* (2006), "Ke Arah Pelaksanaan Sistem Perakaunan Wakaf Yang Piawai", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

<sup>32</sup> Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), "The Dynamic Optimization of Cash Waqf Management: An Optimal Control Theory Approach", (Kertas kerja International Conference: Management From Islamic Perspectives at International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur, 15-16 Mei 2007)

bersesuaian dengan kepentingannya bagi menyelaraskan pembangunan harta wakaf di seluruh negeri di samping memantau aktiviti tersebut<sup>33</sup>.

#### **1.8.4 Peranan Wakaf Terhadap Masyarakat Islam**

Penulisan berkaitan peranan wakaf dalam masyarakat Islam dapat dibahagikan kepada beberapa aspek utama iaitu aspek pembangunan pendidikan dan kerohanian, aspek pembangunan ekonomi dan juga aspek kebajikan. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga aspek ini saling berhubung antara satu sama lain dalam memberi impak yang positif terhadap pembangunan masyarakat Islam setempat. Pertama, penulisan berkaitan peranan wakaf dalam aspek pembangunan pendidikan dan kerohanian, antaranya Ahmad Zaki Ibrahim, Wan Ariffin Wan Yon *et.al*, Narsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf dalam kajian mereka telah mengungkap kembali sejarah institusi wakaf yang berjaya pada zaman kegemilangan Islam dahulu, sehingga dapat menjadikan harta wakaf sebagai sumber pembiayaan pembangunan terutamanya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan yang telah menjadikan masjid dan madrasah sebagai institusi pendidikan selain digunakan untuk aktiviti keagamaan<sup>34</sup>. Ahmad Zaki Abd Latif juga mengemukakan beberapa contoh pusat pengajian yang masih ada sekarang ini yang telah melahirkan ribuan ulama' yang terkenal dan tersohor di seluruh dunia, hasil daripada pembiayaan harta wakaf. Di antaranya ialah Universiti Cordova di Andalus, al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Baghdad, Universiti Islam Indonesia, Pondok

---

<sup>33</sup> Sohaimi Mohd Salleh (2008), "Peranan dan Cabaran JAWHAR dalam Pembangunan dan Pengurusan Wakaf dan Mal", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 4, h.69-88

<sup>34</sup> Ahmad Zaki Ibrahim (2009), "Institusi Al-Azhar: Keunggulan Pengurusan Dana Wakaf Dalam Sejarah Tamadun Islam", (Kertas kerja dalam Seminar "Wakaf Melestarikan Hadharah Ummah", yang dianjurkan oleh JAWHAR, Putrajaya, 22 Disember 2009), h.1-15; Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan Bahrom (2008), "Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan dan Pembiayaan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia, Vol.2, No.2(3), h.63-86; Narsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf (2009), "Peranan Harta Wakaf dalam bidang Pembangunan dan Pendidikan Ummah: Fokus dalam bidang Perubatan", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, jil. 1, 3 (1), h.2-30

Pesantren Darunnajah di Indonesia, Madrasah Al-Junied di Singapura, al-Jamiah al-Islamiah di Madinah dan lain-lainnya<sup>35</sup>.

Manakala daripada aspek pembangunan ekonomi, antara penulisan yang memfokuskan padanya antaranya Nik Mustapha Nik Hassan dan Asmak Ab Rahman yang menyingkap sumbangan institusi wakaf yang telah berjaya menggerakkan kegiatan ekonomi masyarakat setempat misalnya di Malaysia, menerusi penyediaan premis perniagaan dan bangunan komersil di atas tanah wakaf, umat Islam berpeluang mendapatkan kadar sewa yang lebih berpatutan, memperkembangkan perniagaan bumiputera Islam dan mengurangkan pergantungan daripada sumber kewangan yang lain. Bahkan Majlis Agama Islam Negeri sendiri akan berjaya mendapat pulangan pendapatan daripadanya sepertimana yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan<sup>36</sup>.

Selain itu, penulisan yang menekankan mengenai peranan wakaf yang menyumbang kepada aspek kebajikan masyarakat Islam khasnya kerana sifatnya sebagai institusi kebajikan yang bukan bermatlamatkan keuntungan. Monzer Kahf, Asming Yalawae dan Izah Mohd Tahir, dan Birol Baskan menyatakan bahawa pada zaman khilafah 'Uthmaniyyah, wakaf telah menjadi salah satu sumber pendapatan Negara Islam yang digunakan untuk mengagih kekayaan dan merapatkan jurang antara yang kaya dan yang miskin menerusi peranannya dalam menurunkan cukai, membantu golongan hamba dan turut menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada golongan susah<sup>37</sup>. Mustopha

---

<sup>35</sup> Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), "Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Putrajaya : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), jil.2, 2 (2), h.25-62

<sup>36</sup> Nik Mustapha Nik Hassan (1999), *op.cit.*; Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf dalam Membangunkan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil 17, Bil. 1, Januari-April 2009, h. 113-152(kertas kerja dibentangkan di International Conference Islamic Economy and Social Justice: Reinforcing Equity for the Common Well-Being di Indonesia pada 24-27 Julai 2008)

<sup>37</sup> Monzer Kahf (2003), "The Role of Waqf in Improving The Ummah Welfare", (Kertas kerja dalam International Seminar on "Waqf As A Private Legal Body", anjuran the Islamic University of North Sumatera, Medan, Indonesia, 6-7 January 2003); Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (t.t), "The Role of Islamic Institution in Achieving Equality and Human Development: Waqf or Endowment", lihat <http://www.capabilityapproach.com/pubs/Asming%20Yalawae,%20and%20Izah%20TahirWaqfAsmeng.pdf>, 10

Mahmud juga menyebut bahawa wakaf mampu membantu golongan susah untuk memenuhi keperluan asas mereka dan memastikan had kifayah masyarakat dipenuhi melalui perkhidmatan dan bantuan yang disediakan<sup>38</sup>.

Pada zaman ini pula, kita dapat menyaksikan institusi-institusi wakaf yang telah tumbuh gemilang dalam mencapai tujuan asalnya, misalnya di Singapura, Shamsiah Abdul Karim menyatakan bahawa hasil daripada Wakaf Tunai yang dijalankan di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), 90% telah diperuntukkan untuk urusan kebajikan di Singapura sendiri, manakala selebihnya diperuntukkan untuk Negara luar seperti Indonesia, India dan Arab Saudi. Sehingga kini, jelasnya lagi, MUIS telah berjaya membina 29 buah masjid, di samping menghulurkan sumbangan untuk tujuan membantu madrasah, kemiskinan, pengebumian dan kebajikan lain<sup>39</sup>.

Manakala di Indonesia pula, walaupun di sana aktiviti wakaf masih lagi tidak meluas namun di sebahagian tempat dapat dilihat keberkesanan harta wakaf dalam membantu pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh M. Jandra Moh. Janan yang mendapati wakaf produktif berperanan menyumbang dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Muslim di Indonesia dari segi taraf pendidikan, kesihatan, dan taraf ekonomi di kawasan setempat tersebut. Sumbangan telah diberikan sama ada berbentuk wang tunai, penyediaan ubat-ubatan dan kemudahan pembelajaran secara percuma di Lembaga Pengembangan Insani (LPI) dan pemeriksaan secara percuma di Layanan Kesehatan Cuma-Cuma (LKC)<sup>40</sup>.

---

Jun 2010; Birol Baskan (2002), "Waqf System As A Redistribution Mechanism In Ottoman Empire", *Northwestern University: Department of Political Science*, April 2002, h.1-25

<sup>38</sup> Mustopha Mahmud (2007), "Taf'il Daur al-Waqf fi al-Waton al-'Arabi", *Majalah Jami'ah al-Malik 'Abd al-Aziz: al-Iqtisod al-Islami*, Vol. 20, No.1, h.37-62

<sup>39</sup> Shamsiah Abdul Karim (2006), *op.cit*

<sup>40</sup> M. Jandra Moh. Janan (2008), "Memproduktifkan Wakaf: Pengalaman di Indonesia", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 24, h. 419-452

Akhir sekali, merujuk daripada kajian Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman mereka telah menyatakan bahawa "Kejayaan sesebuah negara membangunkan potensi wakafnya, kerana peranan yang dimainkan oleh badan/yayasan atau lembaga wakaf/mutawalli/nazir yang memberikan perhatian khusus kepada aktiviti-aktiviti dan program-program pembangunan harta wakaf". Maka dengan itu, dapat disimpulkan di sini menjadi tanggungjawab MAIN untuk berusaha dengan lebih gigih dalam mengendalikan harta wakaf ini di samping perhatian, kerjasama yang padu dan sumbangan daripada semua pihak untuk mengangkat martabat institusi wakaf ke arah yang lebih cemerlang, agar faedah ekonominya dapat dinikmati oleh semua masyarakat Islam amnya<sup>41</sup>.

Secara kesimpulannya, trend penulisan berkaitan wakaf kontemporari dan penulis-penulisnya diterangkan dalam Jadual 1.1. Penulisan-penulisan ini telah dijadikan rujukan dalam kajian ini.

Jadual 1.1  
Trend Penulisan Wakaf Kontemporari dan penulis-penulisnya

<b>(1) Konsep Wakaf Kontemporari</b>	i) Keperluan kepada Wakaf Kontemporari	Mohamad Akram Ladin, Mek Wok Mahmud dan Mohd Fuad Sawari (2008), Mohammad Tahir Sabit and Abdul Hamid Mar Iman (2006), Timur Kuran (2001), Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1999), Murat Çizaçka (1998)
	ii) Bentuk Wakaf Kontemporari	Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009)
	iii) Perkembangan Wakaf Tunai dan Potensi Wakaf Tunai	Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), Shofian Ahmad (2008), Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper (2007), Siti Mashitoh Mahamood (2007), Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), Abdul Halim Sunny (2007), Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad dan Syarqawi Muhammad (2007), Agustianto M.Ag (2006), Murat Çizaçka (2004), Monzer Kahf (1999), Murat Çizaçka (1998), dan Jon E. Mandaville (1979)

<sup>41</sup> Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman (2006), "Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam", (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

<p style="text-align: center;"><b>2. Kedudukan Wakaf dalam Undang-undang</b></p>	<p>Siti Zalikhah Md. Nor (2008), Siti Mashitoh Mahamood (2007) dan (2006), Abu Bakar Manat (2007), Pengiran Haji Baharum Pengiran Haji Bahar (2006), Mohd Saharudin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor dan Jamal Ali (2003) dan Ahmad Mohamed Ibrahim (1999)</p>			
<p style="text-align: center;"><b>3. Pengurusan Harta Wakaf</b></p>	<p>i) Aspek Pengurusan Pentadbiran dan Organisasi</p>	<p>Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999), Zainal Abidin Jaafar (1999), Mohd Yusof Yahya (1999), Abu Bakar Manat (2007), Nik Mustapha Nik Hassan (1999), Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), Fakhrudin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), Abu Bakar Manat (2007), Mohammed Boudjellal (2008), Shamsiah Abdul Karim(2010) dan (2006)</p>		
	<p>ii) Aspek Pengurusan Kewangan</p>	<p>Zainal Abidin Jaafar (1999), Mohd Yusof Yahya (1999), Pengiran Haji Baharum Pengiran Haji Bahar (2006), Nooh Gadot (2006), Azri Ahmad (2008), Megat Mohd Ghazali Megat A. Rahman, Hussin Salamon <i>et al.</i> (2006), Monzer Kahf (1998), Mohammad Tahir Sabit (2006)</p>		
	<p>iii) Aspek Pengurusan Data dan Maklumat</p>	<p>a) Penyimpanan Dokumen dan Jaringan Hubungan</p>	<p>Sohaimi Mohd Salleh (2008) dan Aidi Ahmi, Mohd Herry Mohd Nasir dan Mohd Hisham Mohd Sharif (2005)</p>	
		<p>b) Sistem Lokasi Wakaf</p>	<p>Abdul Hamid Mar Iman (2006)</p>	
<p>c) Sistem Akaun Wakaf</p>		<p>Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007) dan Safiah Binti Mohamed, Siti Rokyah Bte Md Zain <i>et al.</i> (2006)</p>		
<p style="text-align: center;"><b>4. Peranan Wakaf Terhadap Masyarakat Islam</b></p>	<p>i) Pendidikan dan kerohanian</p>	<p>Ahmad Zaki Ibrahim (2009), Norsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf (2009), Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif &amp; Hasan Bahrom (2008) dan Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008)</p>		
	<p>ii) Pembangunan Ekonomi</p>	<p>Asmak Ab Rahman (2009), Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad dan Syarqawi Muhammad (2007) dan Nik Mustapha Nik Hassan (1999)</p>		
	<p>iii) Kebajikan</p>	<p>M. Jandra Moh. Janan (2008), Mustopha Mahmud (2007), Shamsiah Abdul Karim (2006), Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman (2006), Monzer Kahf (2003), Asming Yalawae &amp; Izah Mohd Tahir (t.t) dan Birol Baskan (2002)</p>		

Sumber: Diubahsuai daripada pelbagai sumber<sup>42</sup>

<sup>42</sup> Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman (2006), *op.cit.*; Abdul Halim Sunny (2007), *op.cit.*; Abdul Hamid Mar Iman (2006), *op.cit.*; Abu Bakar Manat (2007), *op.cit.*; Agustianto M. Ag (2006), *op.cit.*; Ahmad Mohamed Ibrahim (1999), *op.cit.*; Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008), *op.cit.*; Ahmad Zaki Ibrahim (2009), *op.cit.*; Aidi Ahmi, Mohd Herry Mohd Nasir dan Mohd Hisham Mohd Sharif (2005), *op.cit.*; Asmak Ab Rahman (2009), *op.cit.*; Asming Yalawae & Izah Mohd Tahir (t.t) *op.cit.*; Azri Ahmad (2008), *op.cit.*; Birol Baskan (2002), *op.cit.*; Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper (2007), *op.cit.*; Duddy Roesmara Donna dan Mahmudi (2007), *op.cit.*; Fakhrudin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), *op.cit.*; Hasnol Zam Zam Ahmad (2007), *op.cit.*; Jon E. Mandaville (1979), *op.cit.*; M. Jandra Moh. Janan (2008), *op.cit.*; Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1999), *op.cit.*; Murat Çiçaçka (1998), *op.cit.*; Megat Mohd Ghazali Megat A. Rahman, Hussin Salamon *et al.* (2006), *op.cit.*; Mohamad Akram Ladin, Mek Wok Mahmud dan Mohd Fuad Sawari (2008), *op.cit.*; Mohammad Tahir Sabit and Abdul Hamid Mar Iman (2006), *op.cit.*; Mohammed Boudjellal (2008), *op.cit.*; Mohd Saharudin Shakrani, Mohd

Kesimpulan daripada hasil kajian lepas yang dirujuk, penulis melihat bahawa penulisan berkaitan wakaf sering mendapat perhatian oleh para penulis dan pengkaji yang lain apabila timbulnya kesedaran ke arah membangunkan institusi wakaf sebagai agen pembangun masyarakat Islam di Malaysia. Penulisan yang berkaitan dengan pengurusan institusi wakaf di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang lain seperti di Johor, Perak dan Wilayah Persekutuan juga telah dikaji. Namun begitu, penulis mendapati kajian berkaitan peranan Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang masih belum dilakukan. Kajian ini penting memandangkan Pulau Pinang antara negeri yang memerlukan institusinya wakafnya bergerak secara proaktif bagi menyelesaikan kemelut harta wakaf dan membantu pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang secara menyeluruh.

## 1.9 Metodologi Kajian

Bahagian ini menjelaskan mengenai kaedah-kaedah atau metodologi yang digunakan penulis bagi menjalankan kajian ini. Antaranya mengenai rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, penentuan dan kaedah menganalisis data yang telah digunakan oleh penulis dalam kajian ini.

---

Saifoul Zamzuri Noor dan Jamal Ali (2003), *op.cit.*; Mohd Yusof Yahya (1999), *op.cit.*; Monzer Kahf (1998), *op.cit.*; Mohammad Tahir Sabit (2006), *op.cit.*; Monzer Kahf (1999), *op.cit.*; Monzer Kahf (2003), *op.cit.*; Murat Çizaçka (2004), *op.cit.*; Mustopha Mahmud (2007), *op.cit.*; Nik Mohd Zain Mohd Yusof dan Azimuddin Bahari (1999), *op.cit.*; Nik Mustapha Nik Hassan (1999), *op.cit.*; Nooh Gadot (2006), *op.cit.*; Norsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf (2009), *op.cit.*; Pengiran Haji Baharum Pengiran Haji Bahar (2006), *op.cit.*; Safiah Binti Mohamed, Siti Rokyah Md Zain *et al.* (2006) *op.cit.*; Shamsiah Abdul Karim (2010) dan (2006) *op.cit.*; Shofian Ahmad (2008), *op.cit.*; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), *op.cit.*; Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad dan Syarqawi Muhammad (2007), *op.cit.*; Siti Mashitoh Mahamood (2006), *op.cit.*; Siti Mashitoh Mahamood (2007), *op.cit.*; Siti Zalikah Md. Nor (2008), *op.cit.*; Sohaimi Mohd Salleh (2008), *op.cit.*; Timur Kuran (2001), *op.cit.*; Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan Bahrom (2008), *op.cit.*; Zainal Abidin Jaafar (1999), *op.cit.*

### **1.9.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah kajian berbentuk lapangan dan analisis dokumen. Kajian lapangan yang mana maklumat dikutip melalui temubual dengan responden kajian. Manakala kajian analisis dokumen yang mana penulis menganalisis dokumen-dokumen dan laporan-laporan kutipan dan agihan Skim Dana Wakaf yang diuruskan oleh MAINPP bagi mendapatkan maklumat peranan Skim Dana Wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

### **1.9.2 Metod Pengumpulan Data**

Pembahagian metodologi kajian yang digunakan:

- (a) Primer, iaitu menggunakan Kaedah Temubual

Kaedah temubual yang dijalankan bertujuan bagi mendapatkan sesuatu data dan maklumat dengan lebih terperinci dan jelas. Prosuder kajian temubual dimulakan dengan merekabentuk soalan. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah temubual yang berbentuk separuh berstruktur (separuh piawai), iaitu dengan mengemukakan soalan berstruktur mengikut panduan temubual yang akan disediakan sebelum temubual dijalankan, di samping, soalan pra-penentuan dan terbuka yang turut diajukan bagi melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Bagi mendapatkan jawapan penulis mengajukan soalan secara bersemuka dengan informan, di mana penulis terlebih dahulu mengadakan temujanji untuk menerumah informan sebelum menetapkan tarikh dan tempat temubual berlangsung. Jawapan informan direkodkan menggunakan pita rakaman suara agar segala data dan maklumat yang diberikan oleh informan dapat

dianalisa dengan baik dan disimpan untuk kegunaan penulis. Informan kajian terdiri daripada:

i. Encik Ahmad Syah Firafizal. Beliau merupakan Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual dijalankan di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 dan 31 Mac 2010. Temubual dilakukan bertujuan mendapatkan maklumat mengenai latar belakang penubuhan dan pelaksanaan Skim Dana Wakaf serta sumbangan yang telah dilakukan dengan lebih terperinci.

ii. Encik Shahril Shahrom, Ketua Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual dijalankan di Bilik Mesyuarat, Tingkat 7, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 11.00am, bertarikh 31 Mac 2010. Temubual dilakukan bertujuan mendapatkan maklumat terperinci mengenai latar belakang penubuhan dan pengurusan Skim Dana Wakaf.

iii. Puan Siti Nurbaya Osman, Pegawai Kerja Akaun Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual dijalankan di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 31 Mac 2010. Temubual dilakukan bertujuan mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai gerak kerja dan pengurusan akaun Skim Dana Wakaf.

Setelah itu, penulis menemubual penerima-penerima sumbangan Skim Dana Wakaf pula bagi mendapatkan maklumat kegunaan dan mengkaji sejauhmana sumbangan Skim Dana Wakaf membantu dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Antaranya:

- i. Cikgu Haji Ahmad bin Zainol, Bekas Pengerusi Kariah Masjid Bagan Ajam. Temubual telah dijalankan di rumah beliau beralamat di Lorong Masjid Bagan Ajam, Butterworth pada pukul 2.00 petang, bertarikh 27 Mei 2010
- ii. Encik Mohd Fauzul Munir bin Abd. Rahim, Pegawai Pentadbiran, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Temubual telah dijalankan di ibu pejabat Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Perda, pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 2 Februari 2011
- iii. Tuan Haji Mohamed Abd. Majid, Pengetua Sekolah Kebangsaan Penaga. Temubual telah dijalankan di Pejabat Pengetua Sekolah Kebangsaan Penaga, 13100, Penaga, Seberang Perai, Pulau Pinang pada pukul 11.00 pagi bertarikh 6 Mei 2010

(b) Data Sekunder, iaitu melalui Kajian Perpustakaan dan Penilaian Dokumen.

Sebahagian daripada maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menghasilkan kajian ini didapati daripada buku-buku, jurnal-jurnal dan tesis-tesis yang berkaitan. Rujukan buku-buku berkaitan wakaf daripada sumber-sumber silam dan semasa dilakukan bagi menjelaskan mengenai wakaf tunai, perbincangan para ulama' mengenai hukum dan bentuk-bentuk pelaksanaan wakaf tunai yang sedia ada. Penulis juga merujuk kepada buku-buku berkaitan ekonomi khususnya dalam aspek pembangunan ekonomi. Ini bertujuan bagi menjelaskan mengenai maksud pembangunan ekonomi, matlamat-matlamat dan indikator-indikator yang digunakan bagi mengukur pembangunan ekonomi. Maklumat ini berfungsi bagi menganalisa sumbangan yang dilakukan oleh Skim Dana Wakaf dalam pembangunan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Penulis

telah mendapatkan bahan-bahan rujukan ini dari perpustakaan-perpustakaan di universiti-universiti tempatan. Antaranya:

- i. Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Zaaba di Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- ii. Perpustakaan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
- iii. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- iv. Perpustakaan Saham Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Selangor, Shah Alam
- v. Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia, Jalan Duta

Selain itu, penulis juga mendapatkan maklumat menerusi laman web dari dalam dan luar negara untuk mendapatkan maklumat pelaksanaan wakaf tunai di beberapa buah institusi dalam dan luar negara. Maklumat ini penting agar dapat mengenalpasti kelebihan, permasalahan dan halangan wakaf tunai untuk memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan Skim Dana Wakaf.

Kajian ini juga memerlukan kepada pengumpulan maklumat daripada dokumen dan laporan-laporan tahunan Dana Wakaf yang berkenaan. Dokumen dan laporan ini diperolehi daripada pihak pengurusan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang di MAINPP selaku badan yang mengurus selia penubuhan Dana Wakaf tersebut. Data-data tersebut kemudiannya dinilai bagi menapis dan mengumpulkan maklumat-maklumat yang diperlukan sahaja.

### **1.9.3 Metod Analisa Data**

Bagi menganalisa data yang telah diperolehi melalui temubual, pengkaji akan menggunakan kaedah analisa kandungan. Pengkaji akan mentranskripsikan data tersebut dalam format analisis tekstual menggunakan komputer. Kemudiannya, pengkaji akan mempamerkan maklumat dalam bentuk jadual mengikut tema persoalan kajian dan menganalisisnya. Akhirnya, pengkaji akan membuat rumusan bagi setiap tema tersebut.

Penulis menggunakan metod deduktif iaitu dengan mengemukakan kesimpulan secara umum sebelum mengemukakan data-data yang khusus. Penulis menghuraikan mengenai peranan wakaf kepada masyarakat Islam terlebih dahulu dan membuat kesimpulan umum mengenai peranan yang sama dapat dilakukan oleh wakaf tunai. Setelah itu, data-data kajian berkaitan wakaf tunai dikemukakan bagi menganalisa peranan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam melalui penyediaan kemudahan aktiviti ekonomi mahupun sosial. Akhirnya, penulis membuat rumusan bagi setiap tema tersebut.

Bagi menganalisa data, penulis juga menggunakan metod komparatif yang tertumpu kepada pandangan ulama' berkaitan wakaf tunai. Metod komparatif juga digunakan dalam menbandingkan definisi pembangunan menurut ekonomi konvensional dan Islam. Metod ini digunakan bagi mengukur pembangunan secara menyeluruh. Penulis juga membandingkan pelaksanaan wakaf tunai yang dijalankan di beberapa buah negara dan di Malaysia. Perbandingan ini dilakukan bagi melihat sumbangan wakaf tunai dalam memenuhi keperluan masyarakat di negara-negara berkenaan.

## **1.10 Sistematika Penulisan**

### **Bab 1 : Bab Pengenalan**

Bab ini berfungsi sebagai pengantar kepada kajian yang dijalankan ini. Bab ini menerangkan mengenai latar belakang, permasalahan, objektif dan skop kajian ini. Selain itu, bab ini menjelaskan mengenai penulisan-penulisan dan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para penulis lain berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini. Setelah itu, bab ini menerangkan mengenai metodologi pengumpulan data dan metod analisa data yang telah digunakan oleh penulis dalam kajian ini.

### **Bab 2 : Konsep Wakaf, Wakaf Tunai dan Dana Wakaf**

Bab ini akan menghuraikan pengertian wakaf, dana wakaf dan wakaf tunai menurut perspektif fiqh dan undang-undang di Pulau Pinang. Setelah itu, hujah-hujah daripada Al-Quran dan As-Sunnah dikemukakan sebagai landasan hukum wakaf. Pembuktian hujah-hujah dari Al-Quran dan As-Sunnah bertujuan bagi mengukuhkan kefahaman mengenai konsep wakaf. Selain itu, bab ini juga menghuraikan mengenai kedudukan amalan berwakaf menurut Islam, rukun-rukun wakaf, syarat-syarat sah wakaf dan kepentingan wakaf dalam kehidupan umat Islam. Bab ini juga menerangkan mengenai latar belakang perkembangan wakaf tunai di beberapa buah negara di dunia berdasarkan sejarah dan menghuraikan perkembangan wakaf tunai di Malaysia. Selanjutnya, bab ini akan membincangkan potensi dan hubungkait wakaf tunai dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

### Bab 3 : Wakaf Tunai dan Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam

Bab ini akan menghuraikan mengenai konsep pembangunan ekonomi menurut ekonomi konvensional dan Islam, dan hubungkait wakaf tunai dalam pembangunan ekonomi. Huraian dimulakan dengan definisi pembangunan ekonomi, indikator-indikator pembangunan ekonomi yang digunakan dan matlamat yang perlu dicapai dalam usaha membangunkan sesebuah ekonomi. Seterusnya, bab ini menerangkan mengenai latar belakang demografi dan ekonomi Pulau Pinang bagi menggambarkan kedudukan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Setelah itu, membincangkan pula mengenai potensi wakaf tunai dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam.

### Bab 4 : Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) selaku pemegang amanah kepada Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Bab ini turut menjelaskan mengenai objektif, struktur pentadbiran Majlis dan fungsi-fungsinya sebagai institusi agama yang berperanan dalam mengurus dan membangunkan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Selanjutnya, bab ini akan mengupas mengenai Skim Dana Wakaf yang merupakan fokus kajian, dari sudut latar belakang penubuhan, objektif penubuhan, konsep pelaksanaannya dan kelebihan Skim Dana Wakaf. Turut dibincangkan adalah mengenai corak pengurusan Skim Dana Wakaf yang dijalankan dan peranannya dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

## Bab 5 : Peranan Skim Dana Wakaf dalam Pembangunan Masyarakat Islam di Pulau Pinang

Bab ini menjelaskan peranan Skim Dana Wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Justeru, bab ini menganalisa sejauhmana sumbangan Skim Dana Wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang secara menyeluruh.

## Bab 6 : Kesimpulan dan Cadangan

Bab ini membincangkan halangan-halangan kepada peranan Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam. Setelah itu, penulis akan mengemukakan cadangan bagi mencari penyelesaian terhadap halangan-halangan tersebut sebagai usaha mengoptimumkan peranan Skim Dana Wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

### **1.11 Kesimpulan**

Kajian ini penting dalam membincangkan mengenai konsep pelaksanaan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang dan peranannya dalam membangunkan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Penulis yakin bahawa wakaf tunai mempunyai potensi yang besar sebagai sumber ekonomi alternatif umat Islam di Malaysia setanding dengan negara-negara yang telah lama mengaplikasikan wakaf jenis ini. Peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada institusi wakaf bagi membangunkan ekonomi masyarakat Islam selain daripada membangunkan tanah-tanah wakaf melalui wakaf tunai ini, dapat juga

diperluaskan kepada pelbagai aktiviti dan program pembangunan kemasyarakatan yang lain daripada aspek kemudahan dan bantuan dalam pendidikan, kesihatan, sara hidup, masalah kemiskinan, pusat perlindungan dan sebagainya.